

KUTKM, Dtex International meterai perjanjian

Archival News | Berita Harian | 05/08/2004

MELAKA: Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) akan menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Syarikat Dtex International Sdn Bhd bagi mengukuhkan lagi hubungan antara universiti dan industri.

Rektor KUTKM, Datuk Prof Ismail Hassan, berkata majlis menandatangani memorandum itu diadakan di Seri Negeri, di sini, yang turut disaksikan Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam.


Katanya, memorandum itu selaras dengan dasar perkongsian pintar KUTKM dengan pihak industri sama ada pada peringkat antarabangsa mahu pun dalam negeri.

"Objektif memorandum ini adalah meningkatkan daya saing, kreativiti dan inovasi staf akademik dan pelajar dengan membabitkan diri dalam latihan, pembangunan dan penyelidikan (R&D) di sektor industri.

"Ia sekali gus membolehkan pertukaran kakitangan akademik dan pelajar daripada kedua-dua pihak di samping bertukar kepakaran dalam kerja perundingan, menyediakan platform kerjasama penyelidikan dan pembangunan khususnya dalam bidang perisian komputer dan teknologi maklumat (IT)," katanya di sini, kelmarin.

Syarikat Dtex International Sdn Bhd diiktiraf antarabangsa dalam pembangunan produk perisian bagi sistem keselamatan maklumat dalaman.

(END) Source : Berita Harian



جامعة تكنولوجيا ملاكا

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA